

## ETIMOLOGI KATA KERJA ARAB-MELAYU: SATU PENGENALAN AWAL

Mohd Nortaufiq B. Norhashim<sup>i</sup>, Aniswal Abd Ghani<sup>ii</sup>, Mohd Khaidir B. Abd. Wahab<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Pascasiswazah, Universiti Sains Malaysia. taufiq.norhashim@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah, Universiti Sains Malaysia. aniswal@gmail.com

<sup>iii</sup> Pensyarah, Universiti Sains Malaysia. mohdkhaidir@usm.my

### Abstrak

Bidang etimologi cukup penting dalam bidang linguistik. Pengkajian terhadap etimologi perkataan di Malaysia semakin berkembang hebat, namun tidak ramai sarjana Melayu yang mengkaji mengenainya. Etimologi merupakan sebuah bidang yang berusaha menyusun sejarah bentuk dan makna kata. Justeru, fokus kajian ini adalah untuk menjelaskan cara kemasukan perkataan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu serta mengenal pasti kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab yang hanya terdiri daripada golongan kata kerja. Penelitian terhadap makna bagi setiap kata pinjaman sama ada kekal atau mengalami perubahan juga diberikan perhatian. Kajian ini telah mengaplikasikan pedoman yang telah disarankan oleh James T. Collins serta konsep pengimportan kata oleh Heah. Data kajian diambil daripada kajian yang telah dijalankan oleh R.J Wilkinson, iaitu berdasarkan Kamus *A Malay-English* (bahagian 1). Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor perdagangan dan penyampaian dakwah merupakan faktor utama yang menyebabkan terserapnya kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga menunjukkan bahawa bahasa Melayu juga banyak meminjam kata kerja daripada bahasa Arab. Setiap peminjaman tersebut banyak yang dikekalkan makna asal perkataan, namun terdapat juga perkataan Arab yang dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu mengalami penyempitan makna. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa peminjaman perkataan daripada golongan kata kerja mencakupi bidang agama dan undang-undang Islam.

Kata kunci: *Etimologi, bahasa Melayu, kata pinjaman, kata kerja, bahasa Arab*

### 1.0 PENGENALAN

Bahasa Melayu banyak menerima pengaruh daripada pelbagai bahasa lain seperti bahasa Arab, Parsi, Cina, Sanskrit, Portugis, Hindi, Inggeris, Tamil, dan Sepanyol. Peminjaman ini bukan hanya berlaku pada bahasa Melayu sahaja, malah bahasa lain juga turut melakukan peminjaman daripada bahasa-bahasa lain dengan tujuan penakatannya.<sup>7</sup> Peminjaman bahasa dapat dibuktikan melalui Kamus *A Malay-English* karya R.J Wilkinson yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu banyak meminjam kosa kata daripada pelbagai bahasa dan salah satunya adalah bahasa Arab.<sup>8</sup> Peminjaman bahasa ini sebenarnya sangat berkait rapat dengan etimologi yang sebenarnya menjadi penggerak dalam memperolehi maklumat bagi setiap peminjaman perkataan. Etimologi merupakan satu bidang yang menyiasat atau pengkajian terhadap sejarah perkataan (Durkin, 2009:1). Collins (2003) menyatakan kajian etimologi bukan sekadar menyenaraikan kata serapan yang terdapat dalam sesuatu bahasa, tetapi turut menjelaskan sejarah bagi setiap kata-kata tersebut. Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan cara kemasukan perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu dan mengenal pasti kata pinjaman daripada bahasa Arab yang hanya terdiri daripada golongan kata kerja serta meneliti makna perkataan daripada golongan kata kerja, sama ada berlaku perluasan, penyempitan, penggantian atau tidak berlaku perubahan.

S. Nathesan (2009) menyenaraikan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu kepada enam bidang, iaitu bidang agama, ilmu, fikiran dan perasaan, hukuman dan peraturan, adat dan pergaulan manusia, dan benda-benda kejadian atau perbuatan. Manakala R.O Wistedt

<sup>7</sup> Penakatan membawa maksud "terus hidup" atau dalam bahasa Inggerisnya *survival*.

<sup>8</sup> Haugen (1950) menjelaskan bahawa istilah peminjaman merujuk kepada proses penyebaran bahasa dan menjadi satu kemestian dalam inovasi sesuatu bahasa. Peminjaman perkataan berlaku disebabkan pertembungan antara pengguna bahasa yang berbeza dan saling mempengaruhi antara satu sama lain (Haeh, 1989). Menurut sapir (1921), peminjaman budaya akan turut berlaku apabila berlakunya peminjaman perkataan pada bahasa lain

dalam *Malay Grammar* menyatakan bahawa kata pinjaman bahasa Arab mencakupi bidang agama dan undang-undang.

Menurut Collins (2003), di Malaysia tidak ramai pengkaji Melayu yang melakukan kajian mengenai asal usul perkataan. Ini disokong oleh S. Nathesan (2015) yang menyatakan kajian etimologi kurang diusahakan oleh para sarjana bahasa Melayu di Malaysia. Kesannya masyarakat hanya tahu bercakap dan menulis tanpa mengetahui dan mengambil peduli sumber dan makna bagi setiap perkataan yang dituturkan. Penggunaan sesebuah kosa kata dalam bahasa Melayu telah membuatkan pemikiran pengguna bahasa merasakan semua perkataan adalah berasal daripada bahasa Melayu. Tanggapan seperti sudah tentu salah dan sangat meleset sekali. Misalnya, penutur bahasa Melayu lupa akan perkataan seperti seperti *awal*, *ilmu*, *alim*, adalah antara kata Arab yang telah lama terserap masuk ke dalam bahasa (Noresah 2006). Ketidakhahaman masyarakat mengenai etimologi perkataan sudah tentu memberi kesan negatif yang memalukan ahli etimologi kerana masyarakat luar akan membuat andaian bahawa kurangnya pendedahan maklumat etimologi daripada ahli bahasa mengenai perkataan yang digunakan oleh bangsa mereka.

Pentingnya melakukan kajian ini adalah apabila menjejaki asal usul perkataan, kita akan mengetahui sejarah faktor perkataan tersebut masuk ke dalam bahasa lain. Perubahan pada ejaan dan makna akan diketahui dengan lebih jelas dengan melakukan kajian etimologi. Selari dengan kajian ini yang akan menunjukkan kata kerja bahasa Arab yang dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu. Hal ini sekali gus dapat memberi informasi peminjaman yang sewajarnya serta dapat mengelakkan kekeliruan kepada penutur bahasa Melayu mengenai bahasa-bahasa asing yang sudah tersebati dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini memberikan pencerahan bahawa terdapat perkataan yang dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu mempunyai lebih daripada satu makna dan juga berlakunya perubahan pada makna. Pendedahan sebegini dapat mengelakkan salah faham mengenai makna perkataan.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Ibtisam Abdullah & Imran Ho Abdullah (2018) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian dari Sudut Perubahan Morfologi*. Hasil kajian mendapati bahawa perubahan morfologi yang berlaku adalah perubahan kelas kata bahasa sumber iaitu yang meresap masuk ke dalam bahasa sasaran. Kajian ini juga mendapati bahawa bahasa Melayu banyak meminjam kosa kata Arab yang terdiri daripada kelas kata Nama kerana ianya menepati sistem tatabahasa bahasa Melayu itu sendiri.

Selain itu, kajian Any Rozita (2015) yang menganalisis kata pinjaman Arab dengan melihat proses peminjaman dan perubahan bentuk kata yang berlaku selepas peminjaman dibuat ke dalam bahasa Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa perubahan ejaan adalah perubahan yang paling ketara dimana 115 data pinjaman mengalami perubahan struktur ejaan bagi penyesuaian struktur ortografi. Perubahan yang kedua pula ialah beliau mendapati bahawa imbuhan *-un* tidak dibawa masuk selepas peminjaman ke dalam bahasa Melayu, dan keadaan ini sekaligus telah merubah makna perujukan kata pinjaman dan golongan katanya.


Seterusnya Ibtisam Abdullah et al. (2012) melakukan kajian yang bertajuk *Perantauan Bangsa Arab ke Alam Melayu: Kesannya Terhadap Percambahan Kata Pinjaman Arab-Melayu*. Beliau mendapati bahawa setiap peminjaman akan menyebabkan berlakunya perubahan dari sudut linguistik, iaitu seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Kesannya, peminjaman memperkayakan bahasa dan memperkembangkan sistem komunikasi kebahasaan yang sekali gus mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Melayu dan undang-undang.

Begitu juga dengan Noriah dan Selvarani (2015) yang menjalankan satu kajian mengenai *kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu* mendapati bahawa hampir 90 peratus kata pinjaman daripada bahasa Tamil mengalami perubahan dengan tinjauan fonologi mendapati bahawa proses integrasi fonologi berlaku sewenang-wenangnya. Bahasa Tamil juga mengalami perubahan dari segi makna, penambahan jumlah makna, serta pengurangan jumlah makna. Seterusnya, pada tahun 2010, Mohd Alwee dan Mohamad Azrien telah melakukan satu kajian berkaitan *Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Dari Aspek Morfologi*. Kajian ini mendapati terdapat banyak istilah Arab yang telah digunakan dalam bahasa Melayu berkaitan dengan ibadah, transaksi Islam serta sains dan teknologi. Ulama-ulama Muslim Melayu telah memainkan peranan penting dalam membangunkan bahasa Melayu dengan memindahkan kosa kata bahasa Arab ke dalam kosa kata bahasa Melayu. Kajian mengenai istilah Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu dari aspek morfologi dapat dilihat melalui transformasi fonetik dan peningkatkan.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Data yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada Kamus *A Malay-English* (bahagian 1) karya R.J Wilkinson. Kamus ini hanya dilengkapi perkataan yang bermula dengan huruf Alif hingga Za (ا hingga ز). Setiap perkataan yang diambil daripada kamus sebenarnya telah pun dilengkapi dengan etimologi dan makna perkataan, namun tidak ditunjukkan kelas kata. Memandangkan kajian ini hanya berfokuskan kepada kata kerja sahaja, jadi pengkaji akan memungut, meneliti, dan menganalisis data yang hanya terdiri dari kelas kata kerja. Selain itu, pengkaji juga menggunakan *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu* bagi menentukan dan mensahihkan berkenaan kelas kata kerja yang menjadi data utama kajian ini. Hasil penelitian, pengkaji mendapati terdapat kira-kira 17 kata kerja yang dicatatkan di dalam kamus Wilkinson (bahagian 1). Penelitian terhadap perubahan ejaan dan makna amat ditekankan semasa proses menganalisis data. Secara khususnya, kajian ini hanya memfokuskan kepada analisis perkataan yang dipinjam daripada perkataan Arab sahaja. Persoalan bagi kajian ini ialah bagaimanakah cara kemasukan perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu?. Kedua, bagaimanakah cara untuk mengetahui bahawa perkataan tersebut adalah perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab dan apakah terdapat kata kerja pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu?, dan adakah berlaku perubahan makna bagi perkataan Arab yang dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu?

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan pendekatan serta teori yang telah digagaskan oleh Collins (2009) dalam bukunya yang bertajuk *Mukadimah Ilmu Etimologi* serta konsep pinjaman oleh Heah (1989). Collins (2003:11) telah menyenaraikan enam pedoman dalam meneliti sesuatu etimologi. Namun, tiga daripada diambil sebagai kerangka teoretis kajian, antaranya ialah mempertimbangkan sejarah dan geografi (kata-kata yang hanya dapat dipinjam melalui pertembungan sosial. Memastikan kesepadanan bunyi dengan berlandaskan usaha etimologi dan setiap unsur kata harus diterangkan (penjelasan sebahagian kata sahaja tidak menyakinkan). Heah (1989) telah memberikan konsep pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu, iaitu pengimportan, penggantian, dan rekaan natif. Namun, dalam kajian ini hanya satu sahaja yang akan digunakan, iaitu konsep pengimportan. Di bawah konsep pengimportan, pengkaji akan lebih memfokuskan kepada perubahan integrasi yang berlaku terhadap bahasa sumber selepas dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu. Secara kesimpulannya, teori yang dinyatakan ini diambil dan diubah suai bagi menepati objektif kajian. Oleh itu, kerangka teoretis bagi kajian ini adalah seperti berikut:



**Rajah 1.** Kerangka Teoretis Etimologi Kata Kerja Arab-Melayu

#### 4.0 DAPATAN KAJIAN

##### 4.1 Cara Kemasukan Kosa Kata Arab ke dalam Bahasa Melayu

Pengembaraan atau perjalanan masyarakat dari benua lain ke alam Melayu berlaku disebabkan beberapa faktor, seperti agama, ekonomi, politik, perkembangan ilmu pendidikan, penjajahan, perkembangan teknologi dan sebagainya. Paling menarik, penghijrahan manusia dari serata dunia ke Nusantara telah memberi kesan terhadap perkembangan kosa kata bahasa Melayu. Achmad Syafrizal (2015) menyatakan bahawa strategi penyebaran Islam di Nusantara dilakukan melalui jalur perdagangan, perkahwinan, dakwah, pendidikan, dan pengislaman. Peminjaman perkataan daripada bahasa asing terutama bahasa Arab adalah sesuatu yang lumrah, lebih-lebih lagi apabila wujudnya hubungan yang rapat antara kedua-dua bahasa seperti yang berlaku kepada bangsa Arab dan bangsa Melayu.

##### 4.2 Senarai Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu

Dalam kamus Wilkinson (bahagian 1), pengkaji mendapati bahawa terdapat 17 kosa kata yang terdiri daripada golongan kata kerja. Antara senarai kata kerja yang dipinjam daripada bahasa Arab di dalam kamus Wilkinson adalah seperti berikut:

**Jadual 1.** Senarai Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu

| No. | Kata Kerja Pinjaman Bahasa Arab        | No. | Kata Kerja Pinjaman Bahasa Arab |
|-----|--|-----|---------------------------------|
| 1.  | Rahat / isterehat (Rehat) <sup>9</sup> | 10. | Tawaffi (Tawaf)                 |
| 2.  | Istikharat (istikharah)                | 11. | Jawab                           |
| 3.  | Istinja' (istinjak)                    | 12. | Hasud (Hasut)                   |
| 4.  | Asah                                   | 13. | Hamil                           |
| 5.  | Iktikaf                                | 14. | Rakat (Rukuk)                   |
| 6.  | I'tidal (iktidal)                      | 15. | Ramal                           |
| 7.  | Ingkar                                 | 16. | Rejam                           |
| 8.  | Bahath (Bahas)                         | 17. | Rojok / Ruju' (Rujuk)           |
| 9.  | Tafakkur (Tafakur)                     |     |                                 |

<sup>9</sup> Ejaan dalam kurungan ( ) adalah ejaan sebenar Melayu masa kini.

### 4.3 Analisis Dari Sudut Makna

#### 4.3.1 Perluasan Makna

Menurut Chaer (2003), perluasan atau penambahan makna adalah gejala yang terjadi pada sebuah kata atau leksem yang pada mulanya hanya memiliki satu makna, tetapi kemudiannya memiliki makna-makna lain disebabkan faktor-faktor tertentu. Perluasan makna juga bermaksud makna yang asalnya khusus atau sempit berubah menjadi makna yang umum atau luas. Menurut Ibtisam et al. (2012) perkataan *badan* telah mengalami perluasan makna apabila masuk ke dalam bahasa Melayu. Contohnya, makna perkataan *badan* dalam bahasa Arab adalah merujuk kepada tubuh badan. Tetapi apabila masuk ke dalam bahasa Melayu, perkataan ini telah mengalami perubahan makna atau dengan kata lain maknanya semakin berkembang bukan hanya merujuk kepada tubuh badan tetapi juga merujuk kepada kesatuan, agensi, bahagian utama dalam teks.

#### 4.3.2 Penyempitan makna

Penyempitan makna bermaksud makna yang pada mulanya luas atau umum, kemudian menjadi makna yang khusus atau sempit. Seperti perkataan *iktidal* dalam bahasa Arab. Di dalam kamus Arab, perkataan ini membawa maksud bersederhana atau pertengahan dan turut digunakan dalam konteks solat, namun di dalam bahasa Melayu perkataan ini telah disempitkan maknanya, iaitu berdiri tegak selepas rukuk ketika solat. Konteks penggunaan perkataan ini hanya digunakan dalam solat oleh masyarakat Melayu, tetapi berbeza dengan bahasa Arab yang menggunakan perkataan *iktidal* dengan makna yang lebih luas atau melebihi satu makna.

#### 4.3.3 Pengekalan Makna

Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2009) menyatakan peminjaman penuh bermaksud perkataan yang dipinjam tersebut diambil secara terus tanpa mengubah sebarang bentuk leksikalnya mahupun maknanya. Terdapat beberapa perkataan yang dipinjam secara penuh seperti *jawab* dan *tawaf*. Any Rozita (2015) menyatakan bahawa aspek penting dalam peminjaman adalah dengan mengambil maknanya agar proses penyebaran ilmu dapat dicapai.

#### 4.3.4 Pemindahan atau Penggantian Makna

Pemindahan makna bermaksud penggantian makna secara *total* daripada maksud kata asalnya walaupun sebenarnya makna yang baru itu mempunyai kaitan dengan makna asal kata yang dipinjam. Ibtisam et al. (2012) menjelaskan bahawa perubahan makna merujuk kepada perubahan yang berlaku pada makna asal bagi sesebuah perkataan apabila dipinjam masuk ke dalam bahasa lain. Misalnya, kata *habib*, dalam bahasa Melayu bermaksud 'panggilan kepada orang-orang yang bergelar syahid', berbeza dengan makna sebenarnya dalam bahasa Arab yang bermaksud 'kekasih' (Haji Abbas, 1988).

## 5.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, daripada senarai data, didapati 16 kosa kata tidak mengalami perubahan atau mengalami pengekalan dari segi makna, manakala hanya satu data yang dikenal pasti mengalami penyempitan makna. Bagi pengkaji, tidak mungkin akan berlaku penggantian makna yang *total* kerana di awal setiap peminjaman, mesti akan berlaku peminjaman dengan maknanya sekali atau dengan kata lain masyarakat dahulu tidak mungkin akan meminjam perkataan tanpa mengetahui makna perkataan. Namun begitu, akibat peredaran waktu, maka wujud makna yang baru atau berlaku perluasan makna. S. Nathesan (2015:124) memberikan contoh berkenaan perubahan dari segi makna yang berlaku pada perkataan 'kitab' yang merujuk kepada buku dalam bahasa Arab, hal ini berbeza sekali dengan pandangan makna masyarakat Melayu yang menjurus kepada buku keagamaan. Walaupun begitu, lingkungan penggunaan perkataan tersebut masih dalam konteks yang sama, iaitu merujuk kepada bahan bacaan tidak kira sama ada berbentuk agama mahupun bahan ilmiah yang lain. Perluasan makna telah menyebabkan masyarakat menggunakan makna yang baru sehingga melupakan atau mengabaikan makna yang

lama. Menurut Ullman<sup>10</sup>, antara penyebab perubahan makna adalah disebabkan pengaruh bahasa asing. Misalnya dalam bahasa Inggeris *paper* merujuk kepada *kertas*, namun dalam bahasa Melayu masa kini kata *paper* sering diertikan dengan karya ilmiah yang bakal dibentangkan dalam seminar atau mesyuarat.

Bagi perkataan *asah*, pengkaji tidak dapat menentukan ejaan Wilkinson sama ada beliau merujuk kepada *asah* atau *sah*. Hal ini kerana, *asah* sebenarnya perkataan Melayu, manakala *sah* (صح) adalah perkataan Arab. Perbezaan yang timbul ini berkemungkinan disebabkan oleh masalah kurang faham berkaitan morfologi bahasa Melayu. Pengkaji juga mendapati berlaku sedikit kekeliruan mengenai transliterasi Jawi ke Rumi yang dilakukan oleh Wilkinson. Memandangkan ejaan ini didapati tidak tepat, maka kajian susulan perlu dilakukan dengan melihat kepada bentuk skrip asal bahasa Arab dan tulisan Jawi. Namun begitu, pengkaji tetap mengambil kosa kata ini untuk dianalisis dan meletakkan perkataan tersebut sebagai 'pengekalan makna'. Sekiranya perkataan *asah* yang ditulis oleh Wilkinson merujuk kepada *sah*, maka makna yang dibawa oleh perkataan tersebut adalah tepat dan tidak berubah dengan makna asal dalam bahasa Arab.

Selain itu, perkataan *ramal* juga perlu diteliti dengan baik kerana mempunyai dua akar yang berbeza yang menerbitkan makna yang berlainan. Terdapat dua *ramal*, iaitu, *ramal* i dan *ramal* ii. *Ramal* I merujuk kepada pasir dan sesuatu yang diramalkan, manakala *ramal* ii pula merujuk kepada sapu tangan. Jadi, pengkaji memutuskan *ramal* tidak membawa kepada perubahan makna kerana bentuk dan ejaan yang sama ini berlaku seperti homonim<sup>11</sup>. Kajian ini juga mendapati perubahan yang berlaku dari segi ejaan disebabkan masyarakat Melayu ingin menyesuaikan sesebuah perkataan dengan sebutan atau lidah Melayu. Hasil penelitian terhadap data kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa peminjaman kata kerja Arab ke dalam bahasa Melayu tidak sebanyak pinjaman daripada golongan kata nama dan kata adjektif. Hal ini juga diperakui oleh Ibtisam dan Imran Ho (2018) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu didapati banyak meminjam kata Arab yang terdiri daripada kelas kata kata nama.

Pengkaji juga mendapati bahawa aspek peminjaman perkataan daripada bahasa Arab mencakupi bidang agama dan undang-undang. Peminjaman sesebuah perkataan juga disebabkan oleh banyak faktor, antaranya faktor agama, undang-undang, ekonomi, dan ilmu pengetahuan. Kebanyakan kosa kata yang dipinjam berkisarkan suruhan supaya mematuhi undang-undang dan agama. Misalnya, *insaf*, *khiyanat*, *khalwat*, *hormat*, *jihad*, dan *batal*. Berbeza pula dengan peminjaman daripada bahasa lain seperti Belanda dan Portugis yang kebanyakan perkataannya melibatkan aspek peperangan dan pentadbiran. Contohnya perkataan *armada*, *algojo*, *bendera*, *soldadu* atau *askar*, *pistol*, *senapang*, *markas*, atau *gudang*, *kompni* dan banyak lagi.

## 6.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, peminjaman bahasa merupakan satu proses yang penting dalam perkembangan sesuatu Bahasa. Faktor peminjaman ini berlaku oleh sesebuah masyarakat akibat daripada pertembungan bahasa dan budaya. Terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan berlakunya peminjaman iaitu penghijrahan manusia, peperangan, urusan perdagangan, penyebaran agama, dan penghindaran dari bencana alam. Sebenarnya, kajian yang dilakukan ini tidak menyeluruh dari sudut etimologi kerana pengkaji tidak membincangkan masa kemasukan atau keberadaan sesebuah perkataan di dalam bahasa Melayu. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pakar etimologi, seperti R.J Wilkinson, R.O Winstedt, Za'ba, dan Beg yang hanya mengenal pasti asal usul perkataan yang dipinjam, tetapi tidak diberikan dan dibincangkan

<sup>10</sup> Pateda, Mansoer. (2001). Semantik Leksikal

<sup>11</sup> Homonim membawa maksud perkataan yang mempunyai bentuk dan bunyi yang sama tetapi mendukung makna yang berbeza.

secara khusus mengenai masa perkataan yang dipinjam masuk atau muncul dalam bahasa Melayu. Oleh itu, perlu ada penambahbaikan dalam kajian ini supaya ianya lebih jelas dan bermakna.

## RUJUKAN

- Amran Kasimin. (1987). *Perbendaharaan kata Arab dalam bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Any Rozita Abdul Mutalib. (2008). *Analisis Linguistik Kata Pinjaman Terpilih Bahasa Arab Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Apipudin. (2013). *Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bahasa Indonesia*. Prosiding Seminar Nasional Etimologi. 2013
- Arabak Othman. (2015). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Chong Mun Wah. (1997). *Kamus Etimologi Bahasa Melayu*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Collins, James T. (2003). *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (2005). *Linguistik Sejarah dan Alam Melayu*. Jurnal Melayu.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1988). *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur.
- Durkin, Philip. (2009). *The Oxford Guide to Etymology*. New York: Oxford University Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2009). *Struktur sintaksis frasa nama Bahasa Bateq*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 9(1), 47-61.
- Haji Abbas Mohd Shariff. (1988). *Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu*. Sekata 5(1), 20-33. The Malay Language Council.
- Hamdi A. Qafisheh. (1999). *Gulf Arabic-English Dictionary*. NTC Publishing Group.
- Hashim Musa. (2006). *Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heah, C.L.H. (1989). *The Influence Of English On The Lexical Expansion Of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://prpm.dbp.gov.my/>
- <https://www.almaany.com/>
- Ibtisam Abdullah & Imran Ho Abdullah. (2018). *Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian Dari Sudut Perubahan Morfologi*. Bangi. UKM. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan. Vol. 13, No.3.
- Ibtisam Abdullah et.al (2011). *Perantauan bangsa Arab ke Alam Melayu: Kesannya Terhadap Percambahan Kata Pinjaman Arab-Melayu*. In: Seminar Merantau: Imagining Migration in Malay World, March 2011, Goethe, University of Frankfurt Germany.
- Ismail Hussein. (1992). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Isa Abd. Razak. (2009). *Bahasa Pinjaman yang Memperkaya Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa. Julai 2009.
- Noriah Mohamed dan Selvarani A/p Subramaniam. (2015). *Kata Pinjaman Bahasa Tamil dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pateda, Mansoer. (2001). *Semantik Leksikal*. Penerbit Nusa Indah, Ende (Flores).
- S.Nathesan. (2015). *Etimologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wehr, H. (1994). *Arabic-English Dictionary: The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*. Urbana: Spoken Language Services, 1(2), 3.
- Yusoff, M. A. (2006). *Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan dari Aspek Semantik*. Jurnal Usuluddin, 23, 239-254.
- Zainur Rijal dan Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.

**BIODATA RINGKAS PENULIS**

Mohamad Nortaufig Bin Norhashim merupakan pelajar dalam program Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau sedang menumpukan kajian pada bidang sejarah bahasa Melayu dan semantik.

Aniswal Abdul Ghani (Ph. D) merupakan Pensyarah Kanan di bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, linguistik korpus dan pragmatik.

Mohd Khaidir Bin Abd. Wahab (Ph. D) merupakan Pensyarah Kanan di bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah bahasa Melayu dan pendidikan linguistik bahasa Melayu.